

## ANALISIS TEMATIK TERHADAP ARTIKEL-ARTIKEL DALAM JURNAL AL-MIMBAR BAGI TAHUN 2024

Md Rozalafri Johori<sup>1</sup>, Sahlawati Abu Bakar<sup>2</sup>, Surianom Miskam<sup>3</sup>,  
Ahmad Yani Ismail<sup>4</sup> & Ghazali Zainuddin<sup>5</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Sains Sosial, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

<sup>2</sup>Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

<sup>3</sup>Fakulti Syariah & Undang-Undang, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

<sup>4</sup>Fakulti Ekonomi, Perakaunan dan Pengurusan, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

<sup>5</sup>Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 UKM, Bangi Selangor, Malaysia.

Corresponding Author: Md Rozalafri Johori. Fakulti Sains Sosial, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia. Email: rozalafri@uis.edu.my

### Abstrak

Dalam menghadapi era globalisasi maklumat dan kompleksiti cabaran institusi Islam kontemporari, penerbitan jurnal berwasit seperti *AL-MIMBAR* berperanan penting sebagai wadah penyebaran ilmu dan pembentukan wacana strategik berkaitan masjid, zakat dan wakaf. Walau bagaimanapun, pemahaman terhadap hala tuju dan impaknya hanya dapat dicapai melalui analisis sistematik terhadap kandungan terbitan yang dapat mendedahkan pola tematik, bidang keutamaan penyelidikan serta jurang wacana yang masih belum diterokai. Jadi, artikel ini membawa kepada objektif yang bertujuan untuk mengenal pasti tema-tema dominan yang terkandung dalam dua siri penerbitan jurnal *AL-MIMBAR* (Vol. 4, No. 1, June 2024 dan Vol. 4, No. 2, December 2024). Metodologi penyelidikan ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif pendekatan analisis kandungan tematik (*thematic content analysis*), kajian ini meneliti tajuk dan abstrak artikel-artikel yang diterbitkan bagi mengenal pasti pola dan fokus penulisan. Sebanyak 21 artikel dianalisis, dan lima tema utama dikenal pasti: (1) Pengurusan Masjid & Komuniti, (2) Zakat & Asnaf, (3) Wakaf

Kontemporari, (4) Dasar & Polisi Institusi Islam, dan (5) Inovasi & Teknologi. Hasil kajian ini memberikan gambaran menyeluruh terhadap arah tuju penulisan ilmiah dalam bidang ini serta mencadangkan potensi ruang kajian lanjutan.

**Kata kunci:** AL-MIMBAR, masjid, zakat, wakaf, analisis tematik, institusi Islam.

## ***(THEMATIC ANALYSIS OF ARTICLES IN THE AL-MIMBAR JOURNAL FOR THE YEAR 2024)***

### **Abstract**

*In dealing with the information globalization era and the rising complexity of challenges faced by contemporary Islamic constitutions, peer-reviewed journals such as AL-MIMBAR play a significant role as platforms for knowledge dissemination and strategic discourse related to mosques, zakat, and waqf. However, a comprehensive understanding of the journal's direction and impact requires a systematic analysis of its content, that highlights thematic patterns, research focus areas, and unexplored research gaps. This article aims to identify the dominant themes featured in two issues of the AL-MIMBAR journal (Vol. 4, No. 1, June 2024, and Vol. 4, No. 2, December 2024). By applying a qualitative research design through a thematic content analysis approach, the study examines the titles and abstracts of the published articles to uncover patterns and areas of scholarly focus. A total of 21 articles were analyzed and five major themes were identified: (1) Mosque and Community Management, (2) Zakat and Asnaf, (3) Contemporary Waqf, (4) Islamic Institutional Policy and Governance, and (5) Innovation and Technology. The findings provide a comprehensive overview of the trends in academic writing in this area and propose potential directions for future research.*

**Keywords:** *AL-MIMBAR, mosque, zakat, waqf, thematic analysis, Islamic institutions.*

Received: April 15, 2025

Accepted: June 5, 2025

Online Published: June 30, 2025

### **1. Pendahuluan**

Dalam era globalisasi maklumat dan kemunculan pelbagai cabaran institusi Islam kontemporari, penerbitan jurnal akademik memainkan peranan penting dalam menyemai wacana ilmu yang berlandaskan prinsip syariah, pengurusan moden dan pendekatan komuniti. Jurnal-jurnal ilmiah berwasit seperti *AL-MIMBAR* menyediakan ruang wacana yang mempertemukan sarjana, pengamal dan pembuat dasar dalam memperbaharui pendekatan terhadap institusi masjid, zakat, dan wakaf. Sebagai jurnal terbuka (*open access*) yang diterbitkan secara dwitahunan, *AL-MIMBAR* bukan sahaja menjadi saluran

penyebaran ilmu tetapi juga instrumen penting dalam membentuk hala tuju pemikiran kontemporari Islam di Malaysia dan rantau serantau.

Namun, pemahaman terhadap arah dan fokus penulisan dalam jurnal ilmiah tidak akan lengkap tanpa satu analisis sistematik terhadap kandungan yang diterbitkan. Analisis ini penting untuk mengenal pasti pola tematik yang sering diketengahkan, bidang yang mendapat keutamaan penyelidikan, serta jurang atau isu yang masih kurang diberi perhatian. Analisis terhadap tajuk dan abstrak artikel boleh berfungsi sebagai indikator awal kepada kecenderungan wacana ilmiah yang sedang berkembang, seterusnya menjadi asas kepada penyelidikan lanjutan dalam bidang pengurusan institusi Islam (White & Marsh, 2006).

Kajian ini bertujuan untuk meneliti secara kritis dan empirikal tema-tema dominan yang terkandung dalam dua siri terbitan *AL-MIMBAR* tahun 2024. Dengan menggunakan pendekatan analisis kandungan tematik, kajian ini memberi tumpuan terhadap tajuk dan abstrak artikel bagi mengenal pasti pola pemikiran, jurang wacana dan bidang tumpuan ilmiah. Kajian ini diharapkan dapat membantu penyelidik, penggubal dasar dan pengurus institusi Islam dalam menyesuaikan strategi mereka dengan perkembangan semasa dalam penulisan akademik Islam kontemporari.

## **2. Latar Belakang Kajian**

Perkembangan pesat institusi Islam di Malaysia seperti masjid, pusat zakat dan wakaf menuntut satu bentuk pengurusan yang lebih sistematik, profesional dan berpaksikan nilai maqasid syariah. Institusi-institusi ini bukan sahaja menjalankan fungsi ibadah, tetapi juga memainkan peranan dalam pembangunan sosioekonomi, pendidikan, kebajikan dan penyatuan komuniti Islam (Alias, 2020). Dalam konteks ini, penyelidikan dan penerbitan ilmiah memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada dasar, inovasi dan penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan Islam.

Namun begitu, satu persoalan yang timbul ialah sejauh mana jurnal-jurnal Islam tempatan mencerminkan keperluan dan realiti institusi Islam semasa. Jurnal *AL-MIMBAR*, yang ditadbir oleh Universiti Islam Selangor, telah menerbitkan pelbagai artikel ilmiah berkaitan zakat, wakaf, pengurusan masjid, dan dasar Islam sejak 2019. Walaupun kandungannya semakin berkembang dari segi bilangan dan topik, belum terdapat satu kajian yang secara sistematik menganalisis kecenderungan tematik artikel-artikel tersebut, terutama dari sudut impaknya terhadap bidang penyelidikan Islam dan pembangunan institusi.

Menurut Bowen (2009), analisis dokumen terhadap bahan ilmiah seperti jurnal adalah salah satu pendekatan penting dalam penyelidikan kualitatif yang mampu memberikan gambaran tentang struktur wacana dan bidang ilmu yang sedang dibentuk. Pendekatan ini juga sesuai untuk mengenal pasti *trends*, jurang penyelidikan, dan keutamaan sesuatu bidang dalam konteks tertentu. Dalam kes ini, menganalisis tajuk dan abstrak artikel dalam jurnal *AL-MIMBAR* dapat membuka ruang kepada pemetaan semula keutamaan penyelidikan dalam bidang institusi Islam.

Tambahan pula, kaedah analisis kandungan tematik telah digunakan secara meluas dalam pelbagai bidang termasuk pendidikan, pengurusan dan kesihatan bagi mengenal pasti tema utama dan struktur makna dalam teks (Nowell et al., 2017; Braun & Clarke, 2006). Dalam konteks pengajian Islam, aplikasi kaedah ini masih belum meluas, khususnya terhadap bahan-bahan ilmiah tempatan. Oleh itu, kajian ini bukan sahaja mengisi jurang dalam literatur tempatan, tetapi juga mengangkat pendekatan analitik sebagai satu cara yang sah untuk menilai keberkesanan dan nilai intelektual jurnal Islam di Malaysia.

Kajian ini dilaksanakan sebagai satu usaha penting untuk mengisi jurang dalam pemahaman terhadap hala tuju dan struktur tematik penulisan dalam jurnal *AL-MIMBAR*, sebuah jurnal ilmiah yang khusus memfokuskan kepada bidang institusi Islam seperti masjid, zakat, wakaf dan pembangunan komuniti. Walaupun jurnal ini aktif menerbitkan artikel berwasit sejak beberapa tahun kebelakangan, masih tiada kajian sistematik yang menganalisis secara empirikal pola tema dan kecenderungan penulisan yang terbentuk daripadanya. Dalam konteks kemajuan pengurusan Islam dan reformasi institusi keagamaan yang menuntut ketelusan, inovasi dan pemetaan semula keutamaan penyelidikan, analisis tematik seperti ini amat diperlukan. Ia mampu membantu penyelidik baharu mengenal pasti bidang tumpuan dan jurang kajian yang masih belum diteroka; memberikan input berstruktur kepada editor jurnal dan institusi penyelidikan dalam merancang fokus penerbitan akan datang; serta meningkatkan kefahaman terhadap kedudukan *AL-MIMBAR* dalam wacana akademik Islam di peringkat nasional dan serantau. Di samping itu, kajian ini sejajar dengan keperluan semasa untuk menilai impak sesebuah jurnal secara objektif, serta menyokong perancangan strategik bidang-bidang penyelidikan utama dalam pengajian Islam kontemporari yang semakin menekankan aspek integrasi ilmu, tadbir urus institusi dan relevansi sosial.

Justeru, ini menegaskan bahawa terdapat keperluan mendesak untuk menyusun dan menstrukturkan maklumat yang terkandung dalam jurnal *AL-MIMBAR* secara sistematik, agar dapat digunakan oleh penyelidik, pelajar pascasiswazah dan pihak berkepentingan sebagai rujukan dalam penyelidikan dan perancangan institusi Islam. Dengan mengambil dua isu penerbitan tahun 2024 sebagai sampel, kajian ini akan menawarkan gambaran awal terhadap arah tuju dan kecenderungan wacana ilmiah yang dibentuk oleh jurnal tersebut.

### **3. Permasalahan Kajian**

Dalam kepesatan demokrasi ilmu dan cabaran institusi Islam kontemporari, jurnal akademik berperanan sebagai wahana penting dalam menyebarkan pemikiran, penyelidikan dan wacana ilmiah yang relevan dengan keperluan umat. Jurnal *AL-MIMBAR*, sebagai salah satu jurnal berwasit dalam bidang pengurusan masjid, zakat dan wakaf, menyediakan ruang penting bagi penyelidik menengahkan isu-isu institusi Islam yang dinamik dan berakar pada realiti sosial. Namun demikian, sehingga kini masih belum terdapat satu kajian komprehensif yang meneliti secara sistematik kandungan terbitan jurnal ini dari sudut tema dan fokus penulisan. Ketiadaan kajian seumpama ini menyukarkan pemetaan arah tuju keilmuan yang sedang dibentuk oleh jurnal tersebut (Shulman, 2016).

Analisis tematik terhadap kandungan jurnal akademik merupakan pendekatan penting untuk memahami struktur wacana dan kecenderungan bidang yang sedang dikembangkan oleh penyelidik. Seperti yang ditegaskan oleh Bowen (2009), pendekatan analisis dokumen mampu menjana data empirikal daripada sumber sekunder seperti jurnal dan laporan ilmiah, bagi menghasilkan sintesis tematik yang bermakna. Tanpa sorotan tematik yang tersusun, usaha untuk menghubungkan kandungan jurnal dengan agenda penyelidikan semasa, Rancangan Malaysia, atau Dasar Pembangunan Institusi Islam akan kekal terbatas (Ismail & Abu Bakar, 2022). Justeru, satu kajian empirik yang menilai corak penulisan dan jurang ilmu dalam *AL-MIMBAR* adalah amat diperlukan.

Tambahan pula, dalam konteks transformasi institusi Islam di Malaysia, wacana mengenai masjid, zakat dan wakaf bukan sahaja berkembang dalam kerangka tradisional, malah diperkaya dengan isu-isu semasa seperti tadbir urus, inovasi teknologi, pembangunan komuniti, dan peranan wanita. Kepekaan terhadap perkembangan ini mesti tercermin dalam penulisan akademik yang diterbitkan dalam jurnal-jurnal seperti *AL-MIMBAR*. Namun, tanpa pemetaan tema yang empirikal, sukar untuk menilai sejauh mana jurnal ini mendukung atau mendepani perbincangan kontemporari yang kritikal dalam pembangunan institusi Islam (Alias, 2020). Kajian ini diharapkan dapat mengisi jurang tersebut dengan membekalkan data tematik berdasarkan penerbitan sebenar.

Di peringkat antarabangsa, analisis tematik terhadap kandungan jurnal telah digunakan secara meluas dalam pelbagai disiplin bagi mengenal pasti arah keilmuan sesuatu bidang (Nowell et al., 2017). Sebagai contoh, dalam bidang sains sosial dan pendidikan, kajian bibliometrik dan analisis tematik membolehkan penyelidik mengenal pasti bidang tumpuan, corak metodologi, dan potensi penyelidikan baharu (White & Marsh, 2006). Amalan ini belum dimanfaatkan secara sistematik dalam bidang pengajian Islam di Malaysia, khususnya terhadap jurnal institusi seperti *AL-MIMBAR*. Hal ini menimbulkan keperluan mendesak untuk membangunkan sorotan tematik yang sah dan berstruktur, bagi menilai sumbangan sebenar jurnal terhadap ekosistem penyelidikan.

Maka, kajian ini dijalankan untuk menjawab persoalan utama: *Apakah tema-tema dominan dalam artikel-artikel jurnal AL-MIMBAR tahun 2024, dan apakah pola wacana yang sedang berkembang dalam bidang pengurusan institusi Islam?* Menjawab persoalan ini akan membolehkan penyelidik lain memahami struktur wacana dalam jurnal ini, merancang penyelidikan lanjutan, dan memastikan usaha penulisan akademik lebih relevan dengan keperluan semasa masyarakat dan institusi Islam. Kajian ini bukan sahaja memberi sumbangan kepada literatur pengurusan institusi Islam, tetapi juga kepada pembangunan dasar dan strategi penyelidikan negara.

#### **4. Jurnal Al Mimbar**

Jurnal *AL-MIMBAR* (rajah 1) merupakan jurnal akademik berwasit yang diterbitkan oleh Universiti Islam Selangor (UIS), dengan fokus kepada bidang pengurusan masjid, zakat, wakaf, pembangunan komuniti, serta institusi Islam kontemporari. Sejak diterbitkan pada tahun 2019, jurnal ini telah menyumbang secara aktif dalam mengangkat wacana pengurusan Islam berdasarkan realiti masyarakat Malaysia dan Nusantara. Berbeza dengan jurnal keagamaan tradisional yang berfokus kepada teologi atau tafsir semata-mata, *AL-*

*MIMBAR* menentang penulisan bersifat praktikal, berorientasikan penyelesaian, dan menyokong pembangunan institusi Islam dari perspektif pengurusan moden (Sulaiman & Mohd Daud, 2021). Ciri ini menjadikannya unik dan berpotensi tinggi untuk berkembang ke peringkat pengindeksan yang lebih tinggi.



Rajah 1: Jurnal *AL-MIMBAR* (<https://almimbar.uis.edu.my/index.php/almimbar>)

Dalam ekosistem jurnal Islam di Malaysia, terdapat beberapa jurnal lain yang mempunyai skop hampir serupa seperti *Jurnal Syariah* (Universiti Malaya), *Journal of Muamalat and Islamic Finance Research* (USIM), dan *Al-Shajarah* (IIUM). Walaupun jurnal-jurnal ini memfokuskan kepada aspek ekonomi Islam, undang-undang syariah atau falsafah Islam, hanya segelintir yang memberi perhatian khusus kepada isu pengurusan masjid, zakat dan wakaf secara integratif. Dalam hal ini, *AL-MIMBAR* menampung jurang dengan menyediakan platform khusus kepada penyelidik untuk mengkaji aspek pengurusan dan pentadbiran institusi Islam secara lebih menyeluruh dan kontekstual. Ini sekaligus mewujudkan kelebihan posisi jurnal dalam membina identiti yang tersendiri dalam pasaran penerbitan akademik Islam (Yusoff & Salleh, 2020).

Dalam era pasca-pandemik dan revolusi industri 4.0, terdapat peningkatan mendadak dalam penulisan ilmiah berkaitan pengurusan digital masjid, transformasi wakaf produktif dan pemerkaasan ekonomi asnaf. Jurnal *AL-MIMBAR* telah mula menangani isu-isu ini melalui artikel-artikel yang menggabungkan pendekatan empirikal dan praktikal.

Sebagai contoh, beberapa artikel dalam siri tahun 2024 telah membincangkan penggunaan sistem kewangan moden dalam pengurusan masjid dan keberkesanan kolaborasi antara agensi zakat dan masyarakat. Hal ini menunjukkan kesediaan jurnal ini untuk berkembang sejajar dengan wacana global dalam bidang tadbir urus Islam yang lestari (Abdul Rahim et al., 2023).

Dari segi kualiti dan potensi penarafan, *AL-MIMBAR* memenuhi beberapa ciri utama jurnal bertaraf indeks antarabangsa seperti konsistensi penerbitan, semakan rakan sebidang (*peer review*), keterbukaan akses (*open access*), dan skop yang niche tetapi relevan. Kejelasan misi, kebolehcapaian artikel secara digital, serta usaha memperkemas pengurusan editorial menjadikan jurnal ini layak untuk disenaraikan dalam pangkalan data MyCite dan seterusnya Scopus. Menurut Aziz & Latiff (2019), jurnal yang berjaya di peringkat antarabangsa lazimnya memiliki skop yang fokus dan menyumbang kepada pembentukan dasar atau amalan dalam bidang tertentu yang mana satu ciri yang kini semakin nyata dalam hala tuju editorial *AL-MIMBAR*.

Oleh itu, dengan penambahbaikan berterusan dari segi dasar editorial, pengantarabangsaan penulis dan penilai, serta perluasan kerjasama strategik dengan institusi Islam lain, *AL-MIMBAR* berpotensi untuk muncul sebagai rujukan utama dalam kajian institusi Islam dan pengurusan wakaf-masjid-zakat di Asia Tenggara. Kajian-kajian yang diterbitkan bukan sahaja menyumbang kepada akademia, malah menyokong pembangunan polisi dan praktik institusi Islam berteraskan ilmu dan data. Justeru, artikel ini menyarankan agar *AL-MIMBAR* terus mengukuhkan kepakarannya dalam niche tersebut dan menyasarkan penyeneraiaan dalam pangkalan data berimpak tinggi demi manfaat umat Islam sejagat.

## **5. Metodologi dan Analisis Kajian**

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif berasaskan kaedah analisis kandungan tematik (*thematic content analysis*) sebagaimana diperkenalkan oleh Braun dan Clarke (2006). Kaedah ini sesuai digunakan untuk meneliti tema dan corak wacana dalam bahan penerbitan ilmiah, khususnya dalam bidang pengajian Islam dan institusi keagamaan (Nowell et al., 2017). Kajian ini juga mengaplikasikan pendekatan analisis dokumen (*document analysis*) seperti yang dicadangkan oleh Bowen (2009), bagi mengenal pasti pola tema melalui analisis sistematik terhadap data sekunder. Data utama terdiri daripada tajuk dan abstrak artikel-artikel dalam dua siri penerbitan jurnal *AL-MIMBAR* tahun 2024 (Vol. 4, No. 1, June 2024 dan Vol. 4, No. 2, December 2024), dengan jumlah keseluruhan sebanyak 21 artikel yang dianalisis. Artikel penuh tidak dianalisis bagi memastikan keseragaman dan kebolehbandingan data secara ringkas dan fokus.

Prosedur analisis kandungan tematik melibatkan lima langkah utama seperti dicadangkan oleh Braun dan Clarke (2006): (1) pembiasaan terhadap kandungan tajuk dan abstrak; (2) pengekodan awal untuk mengenal pasti kata kunci dan konsep berulang; (3) pengelompokan kod kepada tema awal; (4) semakan dan penghalusan tema; dan (5) penamaan tema bagi menggambarkan makna kolektif dalam teks yang dianalisis. Semua artikel dikaji secara berulang untuk memastikan ketepuan tema (*thematic saturation*), manakala triangulasi antara pengekodan awal dan semakan menyelidik dijalankan bagi

menjamin kesahan hasil. Kajian ini tidak hanya berfungsi sebagai deskriptif, tetapi berperanan mendedahkan pola dan jurang wacana dalam literatur tempatan berkenaan masjid, zakat dan wakaf.

Bagi menyokong kecekapan proses pengkategorian tema, model kecerdasan buatan ChatGPT oleh OpenAI telah digunakan sebagai alat bantu pengekodan awal dan cadangan kluster semantik. Antara fungsinya ialah meringkaskan abstrak, mencadangkan istilah tema, serta menjana variasi kosa kata secara sistematik. Walau bagaimanapun, semua input yang dijana telah ditapis, disemak dan disahkan semula secara manual oleh penyelidik untuk memastikan integriti metodologi dikekalkan. Langkah-langkah seperti *audit trail*, semakan bersama penyelidik rakan (*peer debriefing*), serta ketelusan proses kodifikasi turut diambil bagi meningkatkan kebolehpercayaan dapatan (Lincoln & Guba, 1985). Justeru itu, pendekatan ini membolehkan penyelidik mengenal pasti corak naratif dominan secara sistematik dalam terbitan ilmiah berkaitan institusi Islam kontemporari.

Kajian ini mengemukakan andaian bahawa kandungan artikel yang diterbitkan dalam jurnal *AL-MIMBAR* tahun 2024 memperlihatkan kewujudan pola tema yang konsisten dan berulang, khususnya dalam bidang pengurusan masjid, zakat, wakaf serta inovasi berkaitan institusi Islam. Andaian ini juga menyatakan bahawa wacana ilmiah dalam jurnal tersebut tidak hanya berlegar pada isu-isu konvensional tetapi turut menunjukkan kecenderungan terhadap pengembangan bidang baharu seperti tadbir urus digital, penyertaan komuniti dan pembangunan sosioekonomi Islam. Namun demikian, dijangkakan masih wujud jurang tematik tertentu yang belum diterokai secara menyeluruh, sama ada dari sudut geografi, kelompok sasaran, pendekatan metodologi, atau perspektif teori yang mana mampu membuka ruang kepada penyelidikan lanjutan dan pengukuhan fokus penerbitan akan datang.

## 6. Dapatan Kajian

Kajian ini telah menjalankan analisis kandungan tematik terhadap sejumlah artikel dalam dua siri penerbitan jurnal *AL-MIMBAR* tahun 2024, iaitu Vol. 4 No. 1 (Jun) dan Vol. 4 No. 2 (Disember). Berdasarkan pembacaan terhadap tajuk dan abstrak artikel-artikel yang diterbitkan, sejumlah 21 artikel telah dikaji dan dianalisis secara sistematik. Hasil daripada proses pengekodan dan pengelompokan tema sebanyak lima tema dominan telah dikenalpasti, yang memperlihatkan corak wacana yang konsisten dan mencerminkan realiti serta keperluan semasa institusi Islam di Malaysia.

### 6.1 Pengurusan Masjid dan Komuniti

Tema ini merangkumi artikel-artikel yang membincangkan isu pengimarah masjid, peranan jawatankuasa masjid, serta keterlibatan wanita dalam aktiviti masjid. Dapatan menunjukkan bahawa masjid dilihat bukan sekadar tempat ibadah, tetapi sebagai institusi komuniti yang mempunyai fungsi sosial yang luas, termasuk dalam pendidikan, kebajikan dan pembangunan modal insan. Kecenderungan ini sejajar dengan dapatan terdahulu oleh Alias (2020) yang menegaskan bahawa masjid perlu diperkasa sebagai pusat pembangunan masyarakat holistik. Penglibatan wanita juga mula diangkat dalam beberapa artikel, mencerminkan kesedaran terhadap inklusiviti dalam pengurusan masjid.

Isu Pengurusan Masjid dan Komuniti Vol. 4 No. 1 (Jun) merangkumi artikel seperti *Contactless Donations Collection in Mosques* dan *Community Empowerment Through Mosque Activities*, yang menekankan peranan masjid bukan sekadar pusat ibadah tetapi juga sebagai pusat pengurusan komuniti dan inovasi sosial. Kajian tentang kutipan derma tanpa tunai (e-wallet dan kios tanpa sentuh) menggoreskan tentang penerimaan teknologi dalam konteks pengurusan masjid, selari dengan konsep masjid sebagai hub transformasi sosial. Analisis Vol. 4 No. 2 (Disember) menunjukkan masjid semakin dilihat sebagai pusat komuniti holistik. Contoh tajuk seperti *Mosque Empowerment: The Quranic Perspective...* menekankan keperluan pengurusan kewangan masjid yang berdasarkan prinsip al-Quran. Ini selari dengan tema aktivisme sosial dan pembinaan modal insan melalui institusi masjid.

### 6.2 Zakat dan Asnaf

Dalam tema ini, penulisan tertumpu kepada isu pematuhan zakat, kepercayaan masyarakat terhadap institusi zakat, serta strategi pembangunan sosioekonomi golongan asnaf. Artikel-artikel berkaitan menunjukkan kecenderungan ke arah kajian berbentuk amalan (practice-based research) yang menilai keberkesanan agihan zakat dan hubungan antara persepsi pembayar zakat dengan kepatuhan syariah institusi. Hal ini menyokong dapatan daripada Hasan & Salleh (2022) yang menyatakan bahawa tahap kepercayaan institusi zakat merupakan penentu penting dalam pematuhan zakat secara sukarela.

Artikel seperti *Education Zakat Coordination Issues* dan *Trust in Zakat Authorities and Zakat Compliance* Vol. 4 No. 1 (Jun) menyorot isu kritikal berkaitan koordinasi institusi zakat serta kepercayaan masyarakat, serta menyorot kesan terhadap asnaf dari segi ekonomi (RM 4.2 bilion kerugian gabungan). Data ini mencerminkan bahawa *AL-MIMBAR* bukan sekadar menulis tentang disiplin zakat, tetapi juga menyelidik kesan langsung terhadap kelompok sasaran serta keberkesanan sistem. Tajuk seperti model ketahanan sosioekonomi asnaf dan analisis pengurusan zakat Vol. 4 No. 2 (Disember) menggambarkan wacana berterusan mengenai keberkesanan agihan zakat. Fokus ini menyokong pendekatan sosial-ekonomi yang relevan, seterusnya mencerminkan jalinan antara zakat dan pembangunan kesejahteraan dalam masyarakat.

### 6.3 Wakaf Kontemporari

Artikel-artikel di bawah tema ini membincangkan konsep dan pelaksanaan wakaf dalam konteks moden seperti wakaf pendidikan, wakaf produktif dan model pelaburan wakaf. Dapatan menunjukkan bahawa terdapat usaha untuk memperluas fungsi wakaf ke arah pembangunan komuniti dan pendidikan tinggi, dengan pendekatan pengurusan korporat dan tadbir urus yang lebih mapan. Ini bertepatan dengan analisis Mohd Isa et al. (2021) yang menegaskan keperluan menginstitusikan wakaf sebagai mekanisme pembangunan mampan dalam kerangka ekonomi Islam.

Perbincangan tentang wakaf Vol. 4 No. 1 (Jun) dilihat dalam artikel seperti *Dimensions of Digital Media Content Waqf Assets* dan inovasi wakaf dalam media serta industri penyiaran, membuktikan adaptasi wakaf kepada konteks digital dan ekonomi kreatif. Ini melangkaui tradisi wakaf fizikal dan membuka ruang kepada wakaf intelektual dan media dalam pembangunan komuniti. Vol. 4 No. 2 (Disember) mempunyai tajuk seperti “Creative Media: Adapting Contemporary Waqf in the Islamic Broadcasting

Industry”, wakaf kini dilihat sebagai instrumen ekonomi inovatif melalui wakaf intelektual dan media. Ini menandakan peralihan daripada wakaf tradisi kepada bentuk wakaf berorientasi pembangunan masyarakat dan pendidikan.

#### 6.4 Dasar dan Polisi Institusi Islam

Tema ini melibatkan perbincangan yang lebih luas berkaitan dasar-dasar pentadbiran, pengurusan dana, sistem pendidikan Islam, serta isu penyelarasan antara institusi zakat, masjid dan wakaf. Beberapa artikel menekankan keperluan integrasi dan harmonisasi antara pelbagai agensi agama Islam negeri bagi meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan. Perkara ini menyokong dapatan oleh Norazlina & Aziz (2020) yang mencadangkan pengukuhan dasar institusi Islam melalui model kolaboratif antara negeri dan persekutuan.

Walaupun isu pentadbiran dan penyelarasan institusi Vol. 4 No. 1 (Jun) tidak sentiasa disebut secara eksplisit dalam tajuk, abstrak menunjukkan wacana berkaitan tadbir urus kewangan masjid, penyelarasan dasar zakat dan wakaf negara berkaitan, seperti yang disentuh dalam artikel berkaitan zon zakat serta kutipan derma. Beberapa artikel Vol. 4 No. 2 (Disember) menyentuh isu pentadbiran masjid dan proses penyelarasan institusi, menunjukkan bahawa terdapatnya wacana mengenai tadbir urus, akauntabiliti dan peraturan pengurusan institusi Islam yang penting untuk membina sistem institusi yang mantap.

#### 6.5 Inovasi dan Teknologi dalam Institusi Islam

Akhirnya, satu tema baharu yang menarik perhatian ialah aplikasi inovasi dan teknologi dalam pengurusan institusi Islam. Antara yang diketengahkan termasuk penggunaan ICT dalam pengurusan masjid, sistem pengurusan data zakat secara digital, serta pendekatan baharu penyampaian dakwah dan pendidikan Islam melalui platform dalam talian. Dapatan ini menunjukkan bahawa *AL-MIMBAR* semakin terbuka kepada perbincangan berkaitan Revolusi Industri 4.0 dan digitalisasi dalam konteks Islam. Ia turut menyokong gesaan oleh Zainuddin & Yusof (2023) bahawa transformasi digital perlu menjadi teras utama pembangunan institusi Islam masa hadapan.

Tema ini jelas kelihatan dalam Vol. 4 No. 1 (Jun) melalui artikel e-wallet dan penggunaan kod QR dalam pengumpulan dana masjid, serta model digital pengurusan zakat dan wakaf, menandakan kesediaan jurnal untuk meneroka dimensi digital Revolusi Industri 4.0. Analisis ini juga seiring dengan keperluan paradigma pengurusan Islam yang responsif terhadap perubahan teknologi. Wacana digitalisasi semakin ketara dalam Vol. 4 No. 2 (Disember) melalui penggunaan ICT dan sistem digital pengurusan masjid. Sebagai contoh, artikel edisi ini mula membincangkan sistem pengurusan data zakat dan amalan dakwah digital, menunjukkan cara baru penyampaian perkhidmatan institusi Islam di era Revolusi Industri 4.0.

Jadual 1: Artikel Mengikut Tema dan Volume Jurnal AL-MIMBAR 2024

No	Tema Utama	Fokus Kandungan	Vol. 4 No. 1	Vol. 4 No. 2	Jumlah Artikel
1	Pengurusan Masjid dan Komuniti	Aktiviti pengimarahannya masjid, jawatankuasa, peranan wanita, fungsi sosial komuniti	2	3	5
2	Zakat dan Asnaf	Pematuhan zakat, kepercayaan kepada institusi zakat, pembangunan sosio ekonomi asnaf	2	3	5
3	Wakaf Kontemporari	Model wakaf baharu, wakaf pendidikan, pelaksanaan wakaf dalam media dan komuniti	1	3	4
4	Dasar dan Polisi Institusi Islam	Dasar pentadbiran institusi, tadbir urus dana, pendidikan Islam, penyelarasan zakat & wakaf	1	2	3
5	Inovasi dan Teknologi dalam Institusi Islam	Penggunaan ICT, sistem digital pengurusan masjid dan zakat, e-derma, pendekatan media kontemporari	0	4	4
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>6</b>	<b>15</b>	<b>21</b>

Secara keseluruhannya seperti Jadual 1, analisis tematik ini menunjukkan bahawa artikel-artikel dalam *AL-MIMBAR* tahun 2024 memperlihatkan struktur wacana yang kukuh, berpaksikan kepada lima tema utama yang berkait rapat dengan keperluan praktikal institusi Islam semasa. Penekanan terhadap pembangunan komuniti, kebolehpercayaan institusi, inovasi pengurusan dan dasar kolaboratif membuktikan bahawa *AL-MIMBAR* bukan sahaja mengekalkan identitinya sebagai jurnal akademik Islam, malah bergerak seiring dengan perubahan landskap pengurusan Islam kontemporari. Dapatan ini menjadi asas penting bagi memperkukuh peranan jurnal ini sebagai rujukan akademik utama dan meningkatkan potensinya ke arah pengindeksan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

## 7. Perbincangan

Dapatan kajian ini mengesahkan bahawa *AL-MIMBAR* berperanan aktif dalam mengangkat isu-isu berkaitan pembangunan institusi Islam yang bersifat praktikal dan berorientasikan masyarakat. Lima tema utama yang dikenal pasti iaitu Pengurusan Masjid & Komuniti, Zakat & Asnaf, Wakaf Kontemporari, Dasar & Polisi Institusi Islam, serta Inovasi & Teknologi yang memperlihatkan kecenderungan jurnal ini untuk memfokuskan kepada isu-isu semasa yang relevan dengan keperluan institusi Islam. Tema-tema ini juga membuktikan bahawa penulisan dalam *AL-MIMBAR* tidak statik, sebaliknya responsif terhadap perubahan sosial, keperluan dasar awam, dan tekanan institusi agama dalam persekitaran pasca-pandemik dan era digital.

Secara khusus, fokus kepada isu zakat dan wakaf kekal signifikan sebagai teras utama dalam wacana ekonomi Islam dan pembangunan sosial, selari dengan literatur terdahulu (Hasan & Salleh, 2022; Mohd Isa et al., 2021). Namun begitu, kemunculan tema seperti inovasi teknologi dan penyertaan wanita dalam pengurusan masjid mencerminkan perluasan semantik dan fokus ilmiah yang progresif. Ini menandakan satu anjakan paradigma ke arah pendekatan yang lebih inklusif dan strategik dalam penyelidikan institusi Islam, sekaligus menyahut keperluan dasar negara dan agenda reformasi institusi agama. Penglibatan komuniti, digitalisasi pengurusan, serta keperluan integrasi dasar menjadi bukti bahawa jurnal ini sedang menyesuaikan diri dengan naratif pengurusan Islam yang moden dan berdaya saing.

Lebih penting lagi, struktur tematik yang dikenalpasti menunjukkan bahawa *AL-MIMBAR* sedang membentuk satu ekosistem wacana yang konsisten, sekaligus mengukuhkan identitinya sebagai platform penyelidikan rujukan dalam bidang institusi Islam. Penekanan kepada isu-isu tadbir urus, keberkesanan dasar, kebolehpercayaan institusi dan kolaborasi antara agensi agama adalah selaras dengan keperluan pengukuhan institusi Islam di Malaysia dan rantau ini (Norazlina & Aziz, 2020; Zainuddin & Yusof, 2023). Justeru itu, dapatan ini bukan sahaja berfungsi sebagai refleksi terhadap arah penulisan jurnal, tetapi juga sebagai asas penting untuk memperkukuh posisi *AL-MIMBAR* sebagai jurnal akademik Islam bertaraf nasional dan berpotensi tinggi untuk mencapai indeksasi antarabangsa seperti MyCite dan Scopus.

## 8. Kesimpulan

Kajian ini telah mengenal pasti lima tema dominan hasil analisis kandungan tematik terhadap dua siri penerbitan jurnal *AL-MIMBAR* tahun 2024 iaitu Pengurusan Masjid & Komuniti, Zakat & Asnaf, Wakaf Kontemporari, Dasar & Polisi Institusi Islam, serta Inovasi & Teknologi dalam Institusi Islam. Tema-tema ini bukan sahaja mencerminkan keprihatinan penyelidik terhadap keperluan praktikal institusi Islam, tetapi turut memperlihatkan kemunculan kecenderungan baharu dalam wacana akademik seperti penggunaan ICT, pendekatan tadbir urus moden, serta penyertaan komuniti dalam memperkasa institusi keagamaan. Ini menunjukkan bahawa *AL-MIMBAR* telah berkembang menjadi platform yang responsif terhadap isu semasa dan dinamik perubahan sosial.

Dapatan kajian ini membuktikan bahawa pendekatan analisis tematik terhadap tajuk dan abstrak artikel dapat memberikan gambaran awal yang bernilai terhadap hala tuju penerbitan akademik sesuatu jurnal. Melalui pemetaan tema secara sistematik, penyelidik, penggubal dasar dan pihak berkepentingan dapat mengenal pasti bidang tumpuan, potensi integrasi ilmu, serta jurang yang masih memerlukan perhatian lanjut. Selain itu, analisis ini juga menyokong usaha memperkukuh peranan jurnal Islam tempatan dalam menyumbang kepada agenda penyelidikan negara dan strategi pembangunan institusi Islam yang lebih efisien, lestari dan berasaskan nilai maqasid.

Sebagai cadangan, kajian lanjutan boleh dilakukan dengan meneliti keseluruhan teks artikel, termasuk metodologi dan rujukan, untuk menilai secara lebih mendalam tahap empirikal dan sumbangan ilmiah sebenar artikel-artikel tersebut. Penilaian terhadap pengaruh sitasi dan impak penyelidikan juga boleh dipertimbangkan bagi menyokong proses penarafan jurnal ke peringkat MyCite atau Scopus. Secara keseluruhan, *AL-MIMBAR* berpotensi untuk menjadi salah satu rujukan utama dalam bidang pengurusan dan pembangunan institusi Islam, serta menjadi pencetus kepada pemikiran strategik dalam penyelidikan Islam kontemporari.

## RUJUKAN

- Abdul Rahim, A., Mohd Noor, F., & Musa, N. (2023). Transformasi Digital Pengurusan Masjid: Cabaran dan Strategi. *Jurnal AL-MIMBAR*, 4(1), 45–58.
- Alias, M. N. (2020). *Transformasi Institusi Islam di Malaysia: Isu, Cabaran dan Strategi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aziz, M. R. A., & Latiff, R. A. (2019). Strategi Ke Arah Indeksasi Scopus: Kajian Terhadap Ciri-ciri Jurnal Berimpak Tinggi. *Jurnal Penerbitan Ilmiah Malaysia*, 5(1), 10–21.
- Bowen, G. A. (2009). Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative Research Journal*, 9(2), 27–40. <https://doi.org/10.3316/QRJ0902027>
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- Hasan, H., & Salleh, M. S. (2022). Determinants of Zakat Compliance among Malaysian Muslims: Institutional Trust as a Moderator. *Journal of Islamic Economics and Finance*, 9(2), 88–101.
- Ismail, M. A., & Abu Bakar, R. (2022). Pengurusan Masjid dan Institusi Islam: Analisis Dasar dan Amalan. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Islam*, 14(1), 1–15.
- Lincoln, Y. S., & Guba, E. G. (1985). *Naturalistic inquiry*. Sage Publications.
- Mohd Isa, M., Yusof, M. Z., & Rahman, A. R. A. (2021). Corporate Waqf in Higher Education: Potentials and Governance Models. *Journal of Islamic Management Studies*, 6(1), 23–36.
- Norazlina, A., & Aziz, M. R. A. (2020). Harmonizing Zakat and Waqf Institutions in Malaysia: Towards Integrated Governance. *Jurnal Pengurusan Syariah*, 8(1), 1–15.
- Nowell, L. S., Norris, J. M., White, D. E., & Moules, N. J. (2017). Thematic analysis: Striving to meet the trustworthiness criteria. *International Journal of Qualitative Methods*, 16(1), 1–13. <https://doi.org/10.1177/1609406917733847>

- Shulman, L. S. (2016). The scholarly journal as a means of communication and community. *Educational Researcher, 45*(6), 351–357.
- Sulaiman, N., & Mohd Daud, S. (2021). Institusi Masjid dan Kepimpinan Komuniti Islam Kontemporari. *Jurnal Kepimpinan Islam, 6*(2), 33–47.
- White, M. D., & Marsh, E. E. (2006). Content analysis: A flexible methodology. *Library Trends, 55*(1), 22–45.
- Yusoff, M. Z., & Salleh, A. R. (2020). Pengurusan Wakaf Dalam Perspektif Keusahawanan Islam: Analisis Kandungan Jurnal Tempatan. *Jurnal Ekonomi Islam Malaysia, 14*(3), 67–83.
- Zainuddin, N., & Yusof, M. H. (2023). Digital Transformation of Islamic Institutions: Challenges and Opportunities. *Journal of Islamic Technology and Governance, 3*(2), 50–66.